

Mangsa dibalut selimut, karpét sudah berulat

# Bungkus, buang mayat di kawasan semak

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Mayat seorang lelaki yang sudah hampir reput dan berulat ditemui dalam keadaan berbungkus dengan karpét di kawasan semak berhampiran kolam Air Panas, Lojing di sini pada Ahad lalu.

Penemuan mayat dipercayai warga asing itu dilaporkan seorang anggota pondok polis Lojing di sini selepas melihat objek seperti mayat manusia yang diikat dengan tali pada pukul 8.30 malam.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon

Foo berkata, siasatan pihaknya mendapati mayat mangsa turut dibungkus menggunakan selimut dan terdapat bantal pada bawah kepalanya.

Menurutnya, mangsa dipercayai warga asing kerana tiada kesan suntikan Bacille Calmette-Guerin (BCG) dan meninggal dunia dalam tempoh lebih daripada 36 jam.

“Ketika ditemui, mangsa memakai baju lengan panjang berwarna biru, kain sarung dan terdapat tatu gambar burung pada lengan kanannya.


“Usia tidak diketahui kerana tiada sebarang penemuan doku-

men pengenalan diri. Mangsa dipercayai mati di tempat lain sebelum mayatnya ditinggalkan di lokasi tersebut,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Choon Foo memberitahu, pemeriksaan di lokasi kejadian mendapati kawasan tersebut jauh dari kawasan kejiranan dan merupakan laluan utama yang digunakan dari Gua Musang ke Lojing.

Hasil bedah siasat menunjukkan tiada sebarang kecederaan akibat perbuatan jenayah pada tubuh si mati.

Kes tersebut diklasifikasi sebagai kematian mengejut.



**MAYAT** seorang lelaki ditemui dalam keadaan berbungkus dengan karpét di kawasan semak berhampiran kolam Air Panas, Lojing, Gua Musang pada Ahad lalu. – FOTO IHSAN POLIS